



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, Blok E10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 32/2013 (4 hingga 10 Ogos 2013)**

Satu kematian akibat denggi dilaporkan pada minggu ke 32 menjadikan jumlah keseluruhan kematian di seluruh negara sehingga kini sebanyak 33 kematian, meningkat sebanyak 7 (tujuh) kematian atau 27% berbanding 26 kematian yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012. Kes kematian dilaporkan di Johor melibatkan bayi lelaki berusia 7 bulan yang mengalami demam serta sawan dan dibawa untuk rawatan di klinik. Pesakit kemudiannya dirujuk ke hospital dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), Walau bagaimanapun setelah dirawat, pesakit disahkan meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Hasil Pemeriksaan Pembiakan Aedes yang dijalankan di kawasan kediaman pesakit mendapati nilai Aedes Indeks adalah tinggi iaitu 17.9%.

Bagi tempoh 4 hingga 10 Ogos, Sejumlah 531 kes denggi telah dilaporkan berbanding 655 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah kumulatif kes denggi yang dilaporkan sehingga 10 Ogos 2013 adalah sebanyak 16,585 kes, meningkat sebanyak 19% atau 2,673 kes berbanding 13,912 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012 (Lampiran A).

Daripada analisa KKM, sejumlah 127 lokaliti wabak dilaporkan. Daerah Petaling mempunyai lokaliti wabak terbanyak iaitu 44 lokaliti, diikuti dengan Johor Bharu 19 lokaliti malah terdapat enam (6) lokaliti hotspot dilaporkan di lima (5) lokaliti di Selangor iaitu Seksyen 13 (Apartmen Perdana), Saujana Puchong SP 7, PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A,B,C,D), PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G) dan Seksyen 7 Shah Alam (Flat A) (Blok 1-12 & Blok 38-43) dengan dan satu (1) lokaliti di Pulau Pinang iaitu di Pengkalan Quay (Weld Quay).

Kementerian Kesihatan akan menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap pembiakan Aedes iaitu Ops Gempur Mega setiap bulan di semua negeri. Pada bulan ini Operasi ini akan diadakan pada 20 Ogos, masyarakat dinasihatkan supaya membersihkan kawasan masing-masing. Jika terdapat pembiakan ditemui di premis, pemilik premis akan dikenakan kompaun maksima. Keterangan lanjut sila lawat laman sesawang www.moh.gov.my diruangan 'Crawler' info bergerak dan maklumat terkini.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

13 Ogos 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 32/2013
(4 hingga 10 Ogos 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 32/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 32/2012
		Minggu 32 (4 – 10 Ogos 2013)	Minggu 31 (28 Julai – 3 Ogos 2013)		
1	Perlis	0	4	148 (1)	126
2	Kedah	17	20	524 (1)	539 (3)
3	P. Pinang	7	19	439 (2)	533 (1)
4	Perak	19	26	1,097	1,003 (4)
5	Selangor	297	308	7,446 (9)	6,178 (11)
6	WPKL & Putrajaya	49	64	1,308 (6)	1,277 (3)
7	N. Sembilan	6	16	370	294 (1)
8	Melaka	9	14	321 (1)	342
9	Johor	71 (1)	98 (1)	2,267 (9)	1,043 (1)
10	Pahang	9	15	344	421 (1)
11	Terengganu	9	10	192	507
12	Kelantan	17	31	820 (1)	735
13	Sarawak	10	15	890 (2)	601
14	Sabah	11	13	412 (1)	305 (1)
15	WP Labuan	0	2	7	8
	Jumlah	531 (1)	655 (1)	16,585 (33)	13,912 (26)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN
PADA MINGGU 32 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Pulau Pinang	Timur Laut	Pengkalan Quay (Weld Quay)	8	38	18.8%
2	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	5	32	2.2%
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	7	34	3.6%
4	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	62	55	2.8%
5	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G)	23	55	0.4%
6	Selangor	Petaling	Saujana Puchong Sp 7	22	57	0%